



**KENYATAAN MEDIA
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
SESI 2025/2026**

**AUKU 1971: MEMPERKASA AUTONOMI, PROFESIONALISME DAN KEPIMPINAN
MAHASISWA**

Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (MPP UTM) mengambil maklum terhadap pelbagai pandangan dan respons yang telah dikemukakan oleh warga mahasiswa berhubung isu pelaksanaan serta reformasi Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang sedang menjadi tumpuan perbincangan dalam ekosistem kampus ketika ini.

MPP UTM menegaskan pendirian untuk kekal bersifat neutral, profesional dan berprinsip dalam menguruskan sebarang isu melibatkan dasar, kebajikan serta hak mahasiswa. Kami berpandangan bahawa ruang perbincangan yang sihat dan konstruktif merupakan elemen penting dalam memperkukuh budaya demokrasi kampus dan tadbir urus universiti yang lebih progresif.

Sehubungan itu, MPP UTM komited untuk memperhalusi secara menyeluruh segala pandangan, cadangan dan tuntutan yang dikemukakan oleh mahasiswa berkaitan AUKU 1971 termasuk aspek autonomi mahasiswa, kebebasan akademik, kebebasan bersuara secara bertanggungjawab serta penglibatan pelajar dalam struktur pentadbiran universiti. Segala perkara yang berasas akan dibawa melalui saluran rasmi dan berperlembagaan untuk pertimbangan pihak kepimpinan tertinggi universiti.

Bagi memastikan proses ini dilaksanakan secara tersusun dan berfokus, MPP UTM akan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Dasar Berkaitan AUKU 1971 yang bertanggungjawab untuk mengkaji peruntukan undang-undang sedia ada, menilai tahap pelaksanaannya di peringkat universiti serta merangka cadangan penambahbaikan dasar yang relevan selari dengan keperluan semasa mahasiswa.

Dalam masa yang sama, MPP UTM juga akan menyemak semula semua usul yang telah diluluskan dalam Sidang Parlimen Mahasiswa UTM pada sesi-sesi terdahulu, tanpa terhad kepada isu AUKU semata-mata. Penelitian ini bertujuan untuk memastikan sama ada setiap usul tersebut telah dilaksanakan atau masih belum diambil tindakan oleh pihak berkaitan.

MPP UTM menegaskan bahawa Parlimen Mahasiswa merupakan platform tertinggi mahasiswa dalam menyuarakan pandangan, cadangan dan aspirasi pelajar. Oleh itu, pelaksanaan usul yang telah diluluskan perlu diberikan perhatian serius agar fungsi Parlimen Mahasiswa tidak

terhad kepada proses perbincangan semata-mata, sebaliknya memberi impak sebenar kepada dasar dan pentadbiran universiti.

Akhir sekali, MPP UTM akan terus komited untuk memperjuangkan kepentingan mahasiswa secara berhemah, berlandaskan perlembagaan universiti dan saluran rasmi demi memastikan suara mahasiswa terus diangkat secara berkesan dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.

Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Teknologi Malaysia
Sesi 2025/2026

2 Februari 2026